

Wee: Saya takkan minta maaf pada Pemuda PKR
Malaysiakini.com
October 14 ,2011
By Hazlan Zakaria

Ketua Pemuda MCA, Datuk Wee Ka Siong tidak akan memohon maaf kepada Pemuda PKR serta ketua penerangannya berhubung spekulasi yang membawa kepada penyiaran gambar tidak senonoh, yang didakwa wanita cantik yang menghadiri perhimpunan agung Pemuda MCA baru-baru ini.

NONESambil menafikan beliau menyerang Pemuda PKR atau ketuanya, Wee menjelaskan bahawa apa yang beliau katanya ialah Suara Keadilan Malaysia di Wordpress, telah menyiarkan komen dan gambar.

Menurutnya, beliau hanya menyatakan alamat lamanweb tersebut.

Beliau seterusnya menjelaskan bahawa apa yang beliau katanya pada hari Rabu, ialah spekulasi dan pengumpatan yang memuncak dengan gambar-gambar yang tidak sesuai itu, bermula selepas ketua penerangan PKR Lee Khai Loon membuat komen mengenai insiden tersebut.

Katanya, jika mereka tidak bersalah dalam perkara itu, maka Pemuda PKR perlu menyertainya mengkritik orang di belakang lamanweb tersebut dan membuat laporan kepada Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia untuk mencari pelaku sebenarnya.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd
<http://www.malaysiakini.com/news/178611>